

'Terserah rakyat Sabah teliti tugas dilaksana'

Johannesburg: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata terpujang kepada rakyat Sabah untuk menilai bagaimana Kerajaan Persekutuan telah menunaikan tanggungjawabnya dalam memberikan peruntukan yang adil dan saksama kepada negeri itu.

Perdana Menteri berkata, pengundi di negeri berkenaan perlu meneliti apa yang telah dilakukan oleh pentadbirannya untuk mereka sepanjang tiga tahun lalu sebelum membuat keputusan di peti undi.

“Sudah tiga tahun... saya telah lakukan yang terbaik untuk Sabah. Kami telah menyelesaikan isu-isu yang menjejaskan keper-

luan asas rakyat di sana sebaik mungkin.

“Berhubung elektrik, kita telah mengembalikan kuasa (kuasa pengawalseliaan) kepada Sabah... mereka mahukan lebih banyak peruntukan, kita telah berikan RM1.4 bilion,” katanya.

Anwar berkata demikian apabila ditanya mengenai kempen Pilihan raya negeri Sabah yang sedang berlangsung.

Beliau berkata demikian kepada wartawan dalam penerbangan sewaan ketika dalam perjalanan ke sini dari Addis Ababa, semalam.

Dalam siri kempen sebelum lawatan beliau ke Afrika,

Anwar dilaporkan berkata bahawa kerajaan Persekutuan komited untuk menyelesaikan isu keperluan asas rakyat Sabah, khususnya bekalan air dan elektrik serta infrastruktur jalan raya, yang katanya telah diabaikan terlalu lama.

Beliau berkata, kerajaan MADANI telah meluluskan peruntukan besar bagi memastikan Sabah menikmati pembangunan setara dengan negeri-negeri lain.

Mengulas isu-isu yang masih tertangguh di negeri itu, Anwar memberi contoh masalah seperti bekalan air ke Universiti Malaysia Sabah (UMS), yang telah ditangani dengan peruntukan

RM3 juta semasa lawatannya ke sana tahun lalu.

“Kita beri duit itu tetapi proses untuk menyelesaikannya dikendalikan oleh mereka,” katanya.

“Jika rakyat sudi mendengar, mereka akan tahu bahawa kita komited untuk menyelesaikan isu-isu mereka.

“Ambil contoh projek Pan Borneo... saya hormati Hajiji (Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Hajiji Noor)... beliau menegaskan bahawa syarikat Sabah mesti terlibat dalam projek itu, dan saya beritahu beliau mereka mesti mampu menyiapkannya kerana kita sudah kehilangan tiga tahun... di Sarawak ia hampir si-

ap,” katanya.

Mengenai parti-parti berasaskan Sabah yang memainkan sentimen tempatan, Anwar berkata, ia tidak sepatutnya menjadi isu.

“Tidak kisah sama ada ia parti berasaskan Sabah atau parti berasaskan Semenanjung... kita semua perlu berkhidmat kepada rakyat.

“Namun, saya kira sebagai rakyat Sabah mereka mungkin mahukan orang tempatan... itu bukan masalah... ia hanya menjadi masalah apabila mereka tidak mahu bekerjasama dengan kita sehingga rakyat akhirnya menanggung penderitaan,” katanya.